

UMS perkasa sistem e-pembelajaran dalam ekosistem universiti

Oleh Hamzah Sanudin

UB 18.12.2022 P.08
KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Pusat E-Pembelajaran (PEP) giat memperkasakan sistem e-pembelajaran dalam ekosistem universiti.

Naib Canselor UMS Datuk Kasim Mansor berkata, usaha itu bagi memastikan pendidikan inklusif dan berkualiti tinggi dapat dicapai oleh semua golongan masyarakat melalui pembelajaran sepanjang hayat.

Katanya, ia juga sejajar dengan misi UMS untuk membantu perkembangan intelektual, sosial dan ekonomi pemegang taruh iaitu memupuk persekitaran pengajaran serta pembelajaran yang terbaik.

“Usaha ini dapat dicapai dengan melengkapkan warga kerja universiti pengetahuan dan pengalaman terhadap kemudahan teknologi terkini.

“Sistem SmartV3 UMS misalnya, terbukti menjadi tunjang kepada ekosistem pembelajaran teradun ketika pandemik apabila bertindak *



KENANGAN: Rasid (duduk, tengah) yang mewakili Kasim bergambar kenangan bersama semua yang hadir.

sebagai platform interaksi antara pensyarah dan penuntut sewaktu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP),” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian sempena Majlis Perasmian Simposium Pembelajaran Teradun Gantian dan Pelancaran Interactive, Innovative, Technology-Enable Learning (ITEL) 4.0 di Galeri Majlis, UMS.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan

Antarabangsa) UMS, Rasid Mail.

Menurutnya, pelancaran ITEL adalah naiktaraf kepada sistem e-pembelajaran yang ada pada masa ini dengan penambahan pelbagai ciri baharu lebih interaktif bagi menyokong pembelajaran pada masa akan datang.

Kasim berkata, UMS menyokong visi Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) dalam mempromosikan saluaran pendidikan percuma.

“UMS telah menjalinkan kerjasama dengan Commonwealth of Learning (COL) dan UNESCO bagi pelaksanaan program-program Massive Open Online Courses (MOOC) dan OER.

“Kerjasama yang dimeterai sejak 2018 itu banyak memanfaatkan UMS, antaranya membantu dalam kajian dan merangka polisi berkaitan repositori OER serta reka bentuk dan penghasilan MOOC,” katanya.

Katanya, Pembelajaran Teradun Gantian yang di-

laksanakan juga adalah bagi memupuk kreativiti dengan menawarkan persekitaran pembelajaran atas talian yang lebih kondusif untuk semua.

“Justeru, saya menyeru kepada ahli akademi dan kakitangan pentadbiran supaya menyokong pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di UMS.

“Platform ini akan menyokong usaha universiti untuk mendapatkan pengiktirafan global dalam bidang pengajaran dan penyelidikan,” katanya.

Pada majlis tersebut, turut diadakan penyampaian sijil Pencapaian 5 Bintang dalam Pembelajaran Teradun kepada jabatan dan fakulti.

Turut hadir, Ketua Pustakawan UMS, Md. Szali Md. Salleh; Pengarah PEP, Fong Soon Fook; Pengarah Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Akademik, Denis Andrew D. Lajum dan Timbalan Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK), Efficendy Hadis.